



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN ISNIN, 3 MAC 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	EXCO: 30 PUSAT JAGAAN MOHON GERAN KHAS, PROSES PEMUTIHAN DITERUS		POSITIF
	https://selangorkini.my/2025/03/exco-30-pusat-jagaan-mohon-geran-khas-proses-pemutihan-diterus/	SELANGORKINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	JPBB BINTULU AMAT HARGAI BANTUAN, SOKONGAN NGO KEPADA MANGSA BANJIR		POSITIF
	https://www.utusanborneo.com.my/2025/03/02/jpbb-bintulu-amat-hargai-bantuan-sokongan-ngo-kepada-mangsa-banjir	UTUSANBORNEO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	'KERAJAAN DIGESA AMBIL LANGKAH SEGERA TANGANI MASALAH KANAK-KANAK HILANG DI MALAYSIA'		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1367678/kerajaan-diges-a-ambil-langkah-segera-tangani-masalah-kanak-kanak	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	IBU TUNGGAL CEKAL BUAT DUA KERJA UNTUK SARA EMPAT ANAK		NEUTRAL
	https://malysiagazette.com/2025/03/02/ibu-tunggal-cekal-buat-dua-kerja-untuk-sara-empat-anak/	MALASIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	OKU TIDAK TERLEPAS UNDANG-UNDANG		POSITIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/03/02/oku-tidak-terlepas-undang-undang/	KOSMO.COM.MY	



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



3/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	KES GANGGUAN SEKSUAL LIBAT POLIS, KUMPULAN MASYARAKAT SIVIL DESAK IPCC DIROMBAK		POSITIF
	https://malysiagazette.com/2025/03/02/kes-gangguan-seksual-libat-polis-kumpulan-masyarakat-sivil-desak-ipcc-dirombak/	MALASIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



EXCO Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat YB Anfaal Saari bercakap pada media selepas Majlis Perasmian Swift EmpowerHER Program di Pelabuhan Klang Selangor pada 21 Januari 2025. Foto HARUN TAJUDIN/MEDIA

EXCO: 30 pusat jagaan mohon geran khas, proses pemutihan diterus

by Siti Rohaizah Zainal © March 2, 2025 12:00 pm

SHAH ALAM, 2 MAC: Sebanyak 30 pusat jagaan yang tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memohon bantuan geran disedia Kerajaan Negeri sejak dibuka Januari lalu.

EXCO Kebajikan Anfaal Saari berkata semua pusat jagaan yang memohon Geran Pusat Jagaan (GPJ) itu akan dinilai pada mesyuarat jawatankuasa dalam masa terdekat bagi membolehkan mereka menerima bantuan bernilai RM5,000.

"Semua pengusaha pusat jagaan boleh memohon tetapi keutamaan diberikan kepada pusat jagaan yang proses kelulusan pendaftarannya hampir selesai atau tinggal 20 peratus lagi.

"Setakat ini yang memohon terdiri daripada pengusaha taska dan pusat jagaan warga emas. Selepas mendapat kelulusan, bantuan terus disalurkan kepada pelaksana atau konsultan terbabit supaya proses kelulusan selesai," katanya dihubungi Selangorkini.

November tahun lalu, Anfaal memaklumkan Selangor memperkenalkan geran khas kepada pusat jagaan yang tidak berdaftar bagi galakan kepada pemilik buat pendaftaran dengan JKJ.

Dengan peruntukan RM400,000, Anfaal memberitahu inisiatif Kerajaan Negeri itu sebahagian usaha memastikan semua taska berdaftar sekali gus mematuhi undang-undang.

Dalam pada itu Anfaal, Kerajaan Negeri meneruskan proses pemutihan membabitkan pusat jagaan termasuk taska, warga emas dan orang kurang upaya supaya mereka berdaftar dengan JKJ.

"Tindakan penutupan boleh dilaksanakan, tetapi ia tidak dapat diselesaikan isu pendaftaran kerana kita mahu semua pengusaha pusat jagaan ini beroperasi mengikut undang-undang selain selamat diduduki.

"Oleh itu, menerusi proses pemutihan kita dapat kenal pasti punca mereka tidak berdaftar sekali gus membantu memudahkan mereka buat pendaftaran," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JPBB Bintulu amat hargai bantuan, sokongan NGO kepada mangsa banjir

© March 2, 2025, Ahad - 1:17pm



Dr Rundi, Nyurak (tiga dan dua kiri) serta Thadeus (tengah) menyaksikan penyampaian sumbangan oleh Ihsan Johor Relief (dua kanan) untuk ketua isi rumah di Sebauh.

BINTULU: Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bahagian (JPBB) Bintulu amat menghargai bantuan, sokongan dan derma sumbangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kepada mangsa banjir di sini.

Pengerusinya merangkap Residen Bahagian Bintulu Datu Nyurak Keti berkata, hanya Tuhan sahaja dapat membalas budi baik mereka yang membantu.

"Sekiranya ada kekurangan, saya bagi pihak JPBB Bintulu memohon maaf," katanya dalam ucapan aluan pada Program Gotong-royong Perdana Daerah Sebauh 2025 di Tebingan Sebauh di Daerah Sebauh, semalam.

Nyurak berkata, selepas banjir banyak sampah di kediaman penduduk justeru dalam mesyuarat bersama NGO dan syarikat-syarikat besar di Bintulu, mereka bersetuju membantu BDA melupuskan sampah pascabanjir.

"Semua membantu BDA sama ada syarikat dari Kidurong dan Samalaju serta NGO memberikan kerjasama baik, secara sukarela menyediakan lori, jengkaut dan sebagainya untuk tujuan itu, memandangkan kebergantungan sepenuhnya kepada BDA mungkin tidak mampu dilakukan.

"Oleh itu, saya amat berterima kasih kepada NGO serta syarikat-syarikat terbabit yang membantu pengurusan bencana bagi memulihkan keadaan," katanya.

Pada masa sama katanya, purata taburan hujan di Bintulu pada masa bencana disifatkan sebagai luar biasa iaitu sejumlah 900 milimeter (mm) - melebihi purata taburan hujan untuk setahun.

"Keadaan itu telah memaksa lebih 5,000 mangsa ketua isi rumah dipindah di enam pusat pemindahan sementara (PPS) di Bintulu," jelasnya.

Dalam perkembangan lain, Nyurak berkata JPBB Bintulu telah menerima derma sejumlah RM680,000 dalam akaun bencana, namun pemberiannya terhad untuk RM48 sahaja sekiranya diberikan untuk satu keluarga mangsa bencana.

"Hasil mesyuarat yang kita adakan, adalah lebih baik (derma) diberikan kepada pihak sekolah untuk membantu pelajar mangsa bencana ini melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan guru besarnya sama ada untuk membeli kasut, baju, beg dan peralatan sekolah pelajar, termasuk bantuan untuk tadika," katanya.

Sementara itu, Pegawai Daerah Sebauh Thadeus Ling Bartholomew Allu menzahirkan penghargaan kepada semua pihak yang memberi komitmen dan sumbangan dalam membantu mangsa banjir di Daerah Sebauh.

Katanya, sumbangan daripada Ihsan Johor Relief di bawah rakan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) adalah 500 kit kebersihan dan lima unit penyembur air tekanan tinggi, lima kereta sorong, bakul makanan untuk 4,029 ketua isi rumah (KIR), survival kit untuk 25 kampung dan rumah panjang.

Diikuti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Bintulu menyumbang bakul makanan untuk 3,002 KIR dihantar pada 1 Februari hingga 8 Februari 2025, Tabung Haji dan Food Bank Malaysia menyumbang 300 kotak makanan serta Kelab Rotary Bintulu menyumbang lima unit penyembur air tekanan tinggi, lima unit pembersih hampagas, lima tong sampah dan lima gulung tikar getah.

Seterusnya, Sarawak Energy Bhd (SEB) dan Sarawak Water Sdn Bhd (LAKU Management) menyumbang bantal, peralatan kebersihan dan bakul makanan, Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) menyumbang 10 tong gas untuk PPS Balai Raya Sebauh dan sewaan bot untuk penghantaran bantuan makanan, manakala Malaysia LNG (MLNG) menyumbang bantuan dua bot dan dua enjin bot untuk membantu operasi pemulihan.

"Saya percaya setiap bantuan yang diberikan amat bermakna kepada mangsa banjir dalam membantu mereka kembali menjalani kehidupan seperti sedia kala," katanya.

Katanya, dengan adanya program ini tiada sesiapa pun yang ketinggalan dalam menerima bantuan.

"Terima kasih kepada 100 anggota agensi keselamatan dan 300 wakil persatuan ketua kaum Daerah Sebauh yang turun padang membantu mangsa banjir sejak awal bencana di Daerah Sebauh," katanya.



Dr Rundi (duduk, tengah), Nyurak (tiga kiri) dan Thadeus (tiga kanan), tetamu lain dan penduduk setempat merakamkan kenangan dengan beberapa barangan yang disumbangkan.



Ketua-ketua isi rumah yang menerima sumbangan merakam gambar bersama.


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'Kerajaan digesa ambil langkah segera tangani masalah kanak-kanak hilang di Malaysia'

Oleh Noor Atiqah Sulaiman - Mac 2, 2025 @ 4:14pm
nooratqah.sulaiman@bh.com.my



Tan Sri Lee Lam Thye

KUALA LUMPUR: Ikatan Komuniti Selamat mengemukakan lima cadangan kepada kerajaan dalam membendung masalah kehilangan kanak-kanak di negara ini.

Pengerusinya, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata isu kehilangan kanak-kanak perlu ditangani dengan segera sebelum lebih banyak tragedi menyayat hati 'dipertontonkan' kepada rakyat.

Katanya, lima cadangan itu termasuk memperkukuhkan langkah pencegahan dengan meminta ibu bapa atau penjaga sentiasa memantau aktiviti anak masing-masing sama ada secara dalam talian atau luar.

"Komunikasi antara ibu bapa dan anak adalah sangat penting. Selain itu pihak sekolah juga boleh memainkan peranan penting dengan mengadakan program kesedaran bagi mendidik pelajar ini mengenai keselamatan diri dan bahayanya mengikut individu tidak dikenali," katanya dalam kenyataan hari ini.

Selain ibu bapa dan guru, Lam Thye turut berharap supaya kerajaan dapat menyelenggara dan mengemaskini pangkalan data kanak-kanak secara berkala untuk membantu penyiasatan jika diperlukan.

"Sistem Amber Alert harus diperkukuh untuk memastikan pemberitahuan awam secara cepat apabila kanak-kanak hilang selain agensi penguatkuasaan undang-undang mesti mempunyai unit khusus untuk mengendalikan kes kehilangan kanak-kanak dengan pantas dan cekap.

"Melaksanakan peraturan lebih ketat berkaitan eksploitasi dan pemerdagangan kanak-kanak serta langkah keselamatan dalam talian juga harus dipertingkatkan untuk memantau dan mencegah pujukan dalam talian, yang selalunya membawa kepada penculikan kanak-kanak," katanya.

Langkah lain yang dicadangkan ialah mengenai kesedaran awam dan pembabitkan masyarakat dalam situasi yang diperlukan.

"Orang ramai digalakkan untuk melaporkan aktiviti yang mencurigakan atau individu yang mungkin menimbulkan risiko kepada kanak-kanak.

"Kerjasama antara pihak berkuasa, badan bukan kerajaan (NGO), dan media adalah penting untuk mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi dan untuk menyebarkan maklumat dengan cepat dalam kes kehilangan kanak-kanak.

"Langkah terakhir ialah pengumpulan dan penyelidikan data yang diperbaiki. Data komprehensif mengenai kes kehilangan kanak-kanak perlu dikumpul untuk menganalisis corak dan mengenal pasti faktor berisiko tinggi.

"Penyelidikan berkaitan punca kehilangan kanak-kanak seperti isu keluarga, penderaan atau eksploitasi mesti diambil kira dalam membimbing perubahan dasar," katanya.

Lam Thye berkata, walaupun sesetengah kes membabitkan pelarian tetapi masih ada kes yang mungkin dikaitkan dengan penculikan, pemerdagangan, eksploitasi atau aktiviti jenayah.

"Menangani isu ini dengan berkesan memerlukan pendekatan pelbagai aspek membabitkan ibu bapa, sekolah, penguat kuasa undang-undang dan masyarakat secara menyeluruh.

"Setiap kanak-kanak yang hilang berhak mendapat usaha kolektif kita semua untuk memastikan mereka pulang dengan selamat serta mengelakkan kejadian sedemikian daripada berlaku pada masa hadapan.

"Ambillah tindakan segera dan berkesan untuk melindungi anak-anak ini, kerana setiap kanak-kanak adalah berharga untuk masa depan negara," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Ibu tunggal cekal buat dua kerja untuk sara empat anak

On: *Zarina Zainuddin* - 2 March 2025



Siti Nadia Shaikh Ali

KUANTAN – Membesar dan menyara empat orang anak secara sendiri dengan pendapatan sebanyak RM1,200 sebulan bukan mudah buat Siti Nadia Shaikh Ali.

Dengan kos hidup yang semakin mencabar dan memenuhi keperluan anak yang semakin membesar sudah tentu pendapatan sebanyak itu tidak mencukupi buat ibu tunggal berusia 39 tahun ini.

Lantaran itu, selain bekerja di sebuah kedai menjual perabot, Siti Nadia turut mengambil upah membasuh ayam secara sambil bersama anak-anaknya di rumah mereka di Chengal Lempong, di sini.

"Saya buat kerja sambil lain, terpaksa kerana mahu anak-anak hidup dengan selesa supaya mereka boleh berjaya dalam pelajaran," katanya ketika ditemui MalaysiaGazette di kediamannya di sini.

Siti Nadia memberitahu, rumah kecil yang didiami mereka sejak lima tahun itu merupakan hasil binaan mereka anak beranak di atas tanah pusaka ibunya.

"Alhamdulillah masa kerajaan umum boleh keluarkan duit simpanan KWSP ketika pandemik Covid-19 dulu, saya simpan sikit-sikit. Dapatlah RM30,000 untuk bina rumah ini," katanya.

Dia juga amat bersyukur kerana layak menerima bantuan zakat sebanyak RM200 bagi keperluan barang dapur dan RM300 untuk bil air dan elektrik.

Bagaimanapun, dia kini bimbang kerana rumah satu bilik itu tidak lagi memadai untuk mereka kerana anak perempuan tunggalnya yang sudah berusia 14 tahun terpaksa tidur di bilik bersama-sama dia dan tiga anak lelaki lain.

Katanya, anak sulung lelakinya baru selesai menduduki peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia, manakala dua lagi berusia 12 tahun dan 11 tahun.

Berikutan kebimbangannya, Siti Nadia menghantar anak itu ke asrama sekolah asnaf di bawah Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP).

"Saya bimbang sebab anak perempuan saya tu dah besar. Kadang-kadang kalau saya bekerja lebih masa, saya risau keadaan mereka di rumah. Sebab tu, saya hantar anak perempuan saya tu ke asrama sekolah asnaf di bawah MUIP," katanya yang mengakui sedih kerana terpaksa berpisah dengan anak perempuannya.

Menurutnya, puteri tunggalnya pada awalnya enggan berpisah dengannya tetapi keadaan rumah itu tidak sesuai.

"Sedihlah terpaksa berpisah dengan dia. Anak tu memang tak nak berpisah. Tapi, lebih baik mencegah daripada berlaku perkara tidak diingini.

Siti Nadia berkata, dia telah memohon kepada pihak-pihak berwajib untuk menambah sebuah bilik bagi keselesaan anak perempuannya itu.

"Alhamdulillah, baru-baru ini saya dapat maklumat daripada Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung bahawa permohonan ini telah dapat perhatian Perdana Menteri sebab sini adalah Kampung Angkat Madani," katanya menahan sebak.

Selain isu bilik, Siti Nadia juga meluahkan kebimbangannya kerana berlaku mendapan tanah di tapak rumahnya berikutan musim hujan baru-baru ini yang menyebabkan terdapat rekahan besar pada dinding rumah.

Orang ramai yang mahu menghulurkan bantuan kepada wanita tabah ini, bolehlah berbuat demikian dengan menyalurkan bantuan ke akaun BSN – Siti Nadia Shaikh Ali (0611441000102191). – MalaysiaGazette

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



OKU tidak terlepas undang-undang

Oleh NURUL IZZATI ZAINI 2 Mac 2025, 8:10 am



Status atau pemegang kad OKU tidak menjamin seseorang terlepas undang-undang.

PETALING JAYA – Status orang kurang upaya (OKU) bukan alasan untuk terlepas daripada hukuman kerana jenayah merupakan perkara subjektif yang boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja tidak kira status individu tersebut.

Penganalisis jenayah dan pakar kriminologi bebas, Shahul Hamid Abdul Rahim berkata, ini kerana individu yang melakukan jenayah hatta golongan OKU juga mempunyai perasaan dan keinginan tersendiri.

Bagaimanapun, beliau berkata, status OKU tidak boleh dijadikan alasan untuk terlepas daripada hukuman undang-undang lebih-lebih lagi jenayah yang melibatkan seksual.

“Manusia ni buat jenayah tidak kira siapa. Jangan anggap golongan OKU juga terlepas. Harus kita tahu pemegang kad OKU ini ada pelbagai jenis.

“Dulu jarang kita dengar jenayah melibatkan golongan ini. Tetapi saban tahun semakin meningkat.

“OKU ini ada yang terencat akal, kecacatan fizikal atau mental. Namun kesalahan tetap kesalahan. Ada peraturan atau undang-undang perlu dipatuhi termasuk OKU. Kad OKU pula bukan lesen untuk melakukan apa sahaja kesalahan,” katanya ketika dihubungi Kosmo! Ahad.

Terdahulu, seorang remaja lelaki OKU yang tular melakukan amang seksual terhadap seorang kanak-kanak perempuan ketika solat subuh di sebuah masjid di Hulu Selangor, mengaku salah atas pertuduhan itu di Mahkamah Sesyen tersebut.

Tertuduh berusia 19 tahun membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Norshila Kamarudin.

Berdasarkan rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) yang tular di media sosial, tertuduh berkopiah putih menyelip masuk ke bahagian ruangan solat wanita sebelum memeluk mangsa dan membawanya keluar dari ruangan berkenaan.

Ketika itu, murid berkenaan sedang solat di saf belakang seorang diri dan ia tidak disedari jemaah wanita lain ketika sujud.

Dalam pada itu, Shahul Hamid berkata, keluarga memainkan peranan sangat penting supaya golongan OKU ini tidak terjebak melakukan perkara yang salah di sisi undang-undang.

Selain itu, masyarakat turut digesa supaya menjadi mata dan telinga kepada keluarga golongan OKU untuk mencegah daripada jenayah terjadi dalam mana-mana komuniti.

“Paling dekat adalah keluarga. Jadi keluarga perlu beri perhatian lebih. Ada ahli keluarga yang cuai, itu saya rasa tindakan boleh diambil kepada keluarga. Kalau tak mampu jaga, serahkan kepada pihak lain,” ujarnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kes gangguan seksual libat polis, kumpulan masyarakat sivil desak IPCC dirombak

Oleh Khuzairi Ismail - 2 March 2025



Gambar hiasan

KUALA LUMPUR – Sekumpulan masyarakat sivil terdiri daripada gerakan mahasiswa, organisasi dan orang perseorangan mendesak Suruhanjaya Bebas Tatakelola Polis (IPCC) dirombak supaya selari dengan cadangan asal dalam Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) yang pernah dibentangkan di Parlimen.

Isa susulan dakwaan kes gangguan seksual, intimidasi dan salah guna kuasa melibatkan anggota polis yang dialami oleh seorang mahasiswa, Alyaah Hani Anuar pada awal Februari lalu.

Dalam satu memorandum bersama, kumpulan itu berkata, IPCC dalam bentuknya sekarang tidak mempunyai kuasa yang mencukupi untuk mengambil tindakan tegas terhadap salah laku polis.

Sehubungan itu kuasa penyiataan dan penguatkuasaan yang lebih kuat diperlukan bagi memastikan akauntabiliti sepenuhnya dalam pasukan polis.

Dalam masa sama, kumpulan terbabit menerusi memorandum itu menggesa Kementerian Dalam Negeri (KDN) mempercepatkan pemasangan kamera badan (*bodycam*) kepada semua anggota polis dalam semua interaksi dengan orang awam khususnya semasa soal siasat, pengambilan keterangan, tangkapan dan penahanan.

"Ini bertujuan untuk meningkatkan ketelusan, mengurangkan ruang penyalahgunaan kuasa, serta melindungi kedua-dua pihak iaitu orang awam dan anggota polis itu sendiri.

"Kami percaya bahawa tindakan segera perlu diambil bagi memastikan keadilan bagi saudari Alyaah (Hani) serta semua mangsa yang terkesan akibat penyalahgunaan kuasa oleh pihak berkuasa.

"Pihak polis yang sepatutnya memegang tanggungjawab untuk menjaga rakyat namun rakyat sendiri tidak merasa aman di dalam balai polis itu sendiri," demikian menurut memorandum tersebut yang dimuat naik di laman sosial Facebook Aliran hari ini.

Memorandum itu disokong oleh 47 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dari pelbagai latar belakang antaranya Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih); Himpunan Advokasi Rakyat Malaysia (Haram); Wanita Muda Parti Amanah Negara (Warda).

Memorandum yang turut ditandatangani seramai 79 orang perseorangan itu akan diserahkan kepada Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Dalam pada itu, kumpulan terbabit dalam memorandum itu turut mendesak Saifuddin mengambil langkah serius bagi menangani isu terbabit dan memastikan pembaharuan yang diperlukan dilaksanakan dengan segera demi keadilan dan keselamatan semua rakyat.

Berdasarkan memorandum itu, Alyah Hani didakwa berdepan gangguan seksual oleh seorang pegawai polis lelaki ketika membuat laporan polis berhubung sebuah himpunan solidariti di balai polis Wangsa Maju, dekat sini.

Sehubungan itu, Alyah Hani membuat laporan polis mengenai kejadian terbabit pada petang hari yang sama selain laporan turut dibuat kepada IPCC dan Suruhanjaya Hak Asasi Mansuai (Suhakam) bagi menuntut keadilan. – MalaysiaGazette